



TEKS UCAPAN ALUAN

**Y.BHG. TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI,
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**DI MAJLIS PELANCARAN DAN PERASMIAN SAMBUTAN
JUBLI EMAS SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

**DI
PUSAT KONVENTSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA(PICC),
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
PADA 24 JANUARI 2008**

=====

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saudara/i Pengerusi Majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia,

Yang Berhormat Tan Sri Bernard Giluk Dompok,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Senator Dato' Hj. Abdul Raman bin Suliman,
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri Ismail Adam,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Perkhidmatan,
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta Ketua-Ketua
Eksekutif Badan Berkanun,

Tetamu-tetamu jemputan khas, bekas Pengerusi/Ahli SPA dan Warga
Perkhidmatan Awam yang dihormati sekalian,

MUKADIMAH

Pertama sekali marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan inayahNya kita dapat berkumpul dan bersama-sama dalam Majlis Pelancaran dan Perasmian Sambutan Jubli Emas SPA yang julung kali diadakan yang juga merupakan peristiwa penting bersamaan dengan ulang tahun ke 50 Kemerdekaan Negara yang disambut di seluruh negara. Bagi pihak Ahli-ahli SPA dan Warga Kerja SPA, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian hadir Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang jelas membuktikan komitmen serta keprihatinan Y.A.B Dato' Sri terhadap perkembangan dalam perkhidmatan awam negara. Sesungguhnya, Suruhanjaya merasa

bangga atas kehadiran Y.A.B dan beriltizam untuk melaksanakan visi dan misi nasional sejajar dengan kehendak pucuk pimpinan negara.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran Y.B Menteri di JPM, Timbalan Menteri dan tetamu jemputan khas khususnya yang terdiri daripada bekas-bekas Pengerusi/Ahli Suruhanjaya dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

SAMBUTAN JUBLI EMAS SPA

2. Majlis Pelancaran dan Perasmian Sambutan Jubli Emas SPA yang kini telah genap penubuhannya selama 50 tahun iaitu semenjak negara mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957 sebenarnya bertujuan untuk mengimbas kembali segala sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh SPA bersesuaian dengan fungsinya yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sambutan Jubli Emas ini juga boleh dijadikan landasan bagi mempastikan kesesuaian Suruhanjaya dalam menentukan peranannya yang terus berwibawa serta lebih berkesan dalam mencorakkan perkhidmatan awam negara pada masa akan datang bersesuaian dengan tema Sambutan Jubli Emas ini iaitu “Perkhidmatan Cemerlang Negara Terbilang”.

3. Sesungguhnya, pencapaian Suruhanjaya pada hari ini telah banyak ditentukan oleh komitmen berterusan mereka yang terlibat

dalam mencorakkan hala tuju Suruhanjaya semenjak merdeka sehingga kini. Sekiranya tempoh kemerdekaan negara diambil kira, adalah jelas bahawa telah banyak cabaran dan pengalaman yang dilalui oleh Suruhanjaya yang akhirnya menjadikan Suruhanjaya lebih mantap lagi terserlah dan berkeupayaan untuk menyesuaikan kedudukannya dalam apa jua situasi yang kritikal bagi memenuhi bagi memenuhi matlamat dan visi negara. Pada hari ini, dapatlah dilihat bahawa pembaharuan demi pembaharuan dilaksanakan secara berterusan oleh Suruhanjaya demi menjayakan wawasan negara. Suatu pameran yang menggambarkan pembangunan SPA dari mula penubuhannya sehingga sekarang turut diadakan bersempena majlis kita pagi ini. Pameran ini memperlihatkan sumbangan yang telah diberi serta peranan penting SPA terhadap pembangunan Perkhidmatan Awam negara sejak penubuhannya pada tahun 1957 sehingga masa ini.

Y.A.B. Dato' Sri dan hadirin sekalian,

4. Sektor awam telah mengalami transformasi yang signifikan sejak negara mencapai kemerdekaan 50 tahun yang lalu. Transformasi ini begitu ketara sekali dan akan terus signifikan pada masa yang mendatang. Kelulusan akademik sahaja tidak menjadi faktor mutlak dalam menentukan kesesuaian utnuk berkhidmat dalam sektor awam. SPA menyedari hakikat ini, soal nilai etika dan integriti yang mantap dan konsisten harus turut menjadi ukuran dalam membuat pemilihan mereka yang boleh dipertimbangkan untuk diambil bekerja dalam sektor awam. Suatu kaedah mengukur sahsiah diri seseorang secara saintifik mesti dibangunkan supaya nilai-nilai ini

boleh diterjemahkan dalam diri seseorang calon yang ditemui duga SPA.

5. SPA akan secara langsung dan berterusan bukan sahaja meningkatkan keupayaan untuk mencari bakat yang terbaik dalam pasaran pekerjaan untuk mereka yang berminat memasuki sektor awam tetapi akan juga berusaha untuk menilai semula prosedur penapisan serta pendekatan pemilihan yang adil lagi saksama untuk mengekalkan kredibiliti SPA sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang terulung untuk sektor awam dan turut dapat bersaing dengan badan-badan lantikan setor swasta. Pengurangan birokrasi yang tidak lagi sesuai, penggunaan teknologi secara optimum dan penggunaan kebijaksanaan yang terserlah amat dituntut ke atas Ahli-Ahli SPA akan menjadi lebih cekap dan berkesan serta terus relevan sepanjang masa.

6. SPA menyedari hakikat bahawa ekspektasi terhadap SPA semakin mencabar bersesuaian dengan tuntutan semasa. Oleh yang demikian, SPA akan terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh iltizam, profesional dan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik. Dalam hubungan ini SPA perlu mendapat komitmen dan sokongan semua Jabatan serta Agensi Kerajaan demi memastikan kelancaran tanggungjawab mereka.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,

PENUTUP

Akhir kata, di kesempatan ini sekali lagi saya mewakili Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan seluruh warga SPA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.A.B Dato' Sri Timbalan Perdana Menteri atas kesudian hadir melancarkan Sambutan Jubli Emas SPA pada pagi ini serta kehadiran tuan-tuan dan puan-puan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatulahi Wabarakatuh.

Faidzah/f/tansri.16.1.2008